

Britain mahu negara hilang wibawa

KOTA BHARU, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin tindakan media Britain memburukkan pemimpin negara ini untuk menghilangkan kredibiliti Malaysia dalam menyuarakan sikapnya terhadap masalah dunia.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat menentukan sama ada tindakan yang dilakukan mereka itu membunyai niat buruk terhadap negara ini kerana tidak dapat membaca niat mereka.

“Tetapi hakikatnya, dengan serangan yang dibuat oleh akhbar mereka terhadap kepimpinan negara kita dan kesannya ialah kurang kepercayaan dunia ke

pada pendirian yang dibuat oleh negara kita,” katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir mengulangi bahawa Kerajaan Malaysia tidak berpandangan buruk terhadap kerajaan, rakyat dan syarikat Britain.

Bagaimapun, katanya, secara secara langsung dan tidak langsung, akhbar Britain cuba membuat pelbagai tuduhan tidak berasas terhadap negara ini.

“Kita percaya tujuan mereka untuk menghilangkan kredibiliti negara kita, supaya sikap yang kita ambil dalam beberapa masalah dunia tidak akan dihormati oleh sesiapa pun kerana negara kita ini

negara yang begitu buruk dengan rasuah berlaku sepanjang masa, yang membabitkan pemimpinnya dan dengan itu suara kita tidak lagi dihormati,” katanya.

Perdana Menteri berucap di majlis perjumpaan dengan pemimpin Kerajaan Pusat yang berkhidmat di Kelantan di Dewan Maktab Perguruan Kota Bharu, Pengkalan Chepa, dekat sini, petang ini.

Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Timbalan Menteri Kewangan, Senator Mustapa Mohamad dan Pengerah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), Datuk Mohd Noor Abdul Rahim.

Dr Mahathir berkata, oleh kerana mereka menguasai akhbar dunia, maka sebarang laporan yang dibuat disebar dengan meluas.

“Manakala penafian kita tidak mungkin tersebar dengan begitu meluas. Dengan itu mereka boleh mencapai matlamat menghilangkan kredibiliti supaya suara kita tidak lagi bermakna kerana kita ialah orang rasuah, yang tidak mempunyai maruah dan sebagainya.

“Walaupun ini mungkin bukan hasrat mereka, tetapi inilah kesan daripada tindakan mereka membuat laporan palsu terhadap negara kita,” katanya.